

Khiri Johari tingkatkan sukan negara

um-20/11/2006

KUALA LUMPUR 19 Nov. - Masyarakat sukan negara dan luar negara menyifatkan Allahyarham Tan Sri Khiri Johari sebagai tokoh sukan yang banyak meninggalkan jasa kepada sukan Malaysia dan antarabangsa selain cukup popular di segenap peringkat penggiatnya.

Pemergian bekas Timbalan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM) pada usia 83 tahun hari ini, turut dianggap satu kehilangan besar khususnya kepada dua sukan yang sudah menjadi darah dagingnya sekian lama - sepak takraw dan badminton.

Siapa yang dapat melupakan jasa besar Allahyarham atau lebih mesra dengan nama Pak Khiri sebagai Presiden Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) yang kali terakhir dipengangannya pada 1993 sehingga pernah dianugerahkan sebagai Bapa Sepak Takraw oleh Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF) setahun kemudian.

Di bawah kepimpinannya dalam Persatuan Badminton Malaysia (BAM), skuad negara berjaya membawa pulang gelaran berprestij berpasukan dunia, Piala Thomas pada 1967 dari Jakarta yang hanya dapat diulangi suku abad kemudian di Kuala Lumpur.

Malah salah seorang pemain skuad itu, **Tan Yee Khan** yang terkejut dengan berita pemergiannya ketika diberitahu *Utusan Malaysia*, berkata: "Kami kehilangan seorang pemimpin handal, Presiden BAM

yang hebat dan penyokong kuat sepanjang saat-saat getir terperangkap di stadium akibat kekecohan yang ditimbulkan oleh penonton fanatik Indonesia di Jakarta.

"Kehadirannya sentiasa menjadikan kami bersemangat untuk bermain demi negara. Beliau bukan sahaja seorang pemimpin kami yang hebat bahkan sanggup menjalani macam-macam aktiviti bersama. Kali terakhir saya menemuinya ialah dalam majlis di Pulau Pangkor, kira-kira dua tahun lalu."

Presiden Persekutuan Sepak Takraw Asia (ASTAF) dan Setiausaha Agung Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF), **Abdul Halim Kader** pula berkata, sukan itu kehilangan salah seorang pengasasnya yang tidak pernah kenal penat.

"Saya telah mengenalinya dan menjadi salah seorang anak didiknya hampir 30 tahun.

"Allahyarham pernah menubuhkan Persekutuan Sepak Takraw Asia (ASTAF) pada 1967 di Jakarta dan bertanggungjawab membentuk Persatuan Sepak Takraw Se-Malaya (kini Persatuan Sepak Takraw Malaysia - PSM).

"Allahyarham juga yang merintis kemasukan sepak takraw ke Sukan Asia, mulanya sebagai acara demonstrasi di New Delhi 1982 tetapi gagal ke Seoul 1986 sebelum dapat juga dipertandingkan buat kali pertamanya di Beijing 1990," katanya.

"Biarlah pemimpin sepak takraw-

nya dari kalangan negara nusantara atau Asia sahaja," katanya.

Setiausaha Agung Majlis Olimpik Malaysia (MOM), **Datuk Sieh Kok Chi** menyifatkan Allahyarham sebagai orang yang sangat baik dan memiliki budaya sukan serta sentiasa menyokong atlet negara tidak kira menang atau kalah dan jarang memarahi mereka.

"Beliau melayani semua orang sama rata sepanjang lebih 10 tahun bersama MOM. Beliau juga yang menjadikan sukan itu salah satu acara Sukan SEAP dan Sukan Asia selain memimpin BAM (Persatuan Badminton Malaysia) hampir 20 tahun," katanya.

Bekas Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), **Datuk Mazlan Ahmad** pula berkata, Allahyarham amat disegani ramai malah sentiasa yakin bahawa semua masalah boleh diatasi dengan mudah.

"Kerana perwatakan itu, sukar orang lain mencabarnya sebagai Timbalan Presiden MOM. Seingat saya, Allahyarham juga pernah dilantik sebagai Ketua Kontinjen Negara ke Sukan Komanwel Edinburgh 1986 tetapi Malaysia memulaukannya," katanya.

Presiden Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM), **Datuk Ahmad Ismail** berkata, dunia sepak takraw pasti terkesan dengan jasanya yang besar terutama dalam mengembangkan sepak raga jaring sebelum berubah kepada sepak takraw yang kini dimainkan di 45 negara.